



NOTIS PENUTUPAN MAHKAMAH RENDAH BANDAR SERI BEGAWAN

Mahkamah Sivil ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Mahkamah Rendah, Bandar Seri Begawan yang terletak di Tingkat Bawah, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah adalah ditutup sementara bermula 14 Oktober 2021 sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian untuk memberi laluan bagi pembersihan premis-premis bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan pegawai/kakitangan Mahkamah khususnya dan orang awam amnya. Untuk makluman orang ramai:

1. Semua kes-kes jenayah dan sivil yang telah dijadualkan pendengarannya disemua Mahkamah-Mahkamah Sivil diseluruh negara termasuk kes-kes dibawah Akta Lalulintas Jalanraya, kes dibawah Tuntutan Tribunal Kecil, kes Kebankrapan dan Waris masih ditangguhkan sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Tarikh-tarikh penggantian kes akan dimaklumkan kepada pihak yang terbabit dalam masa yang terdekat.
2. Kes-kes jenayah yang baru (*fresh cases*) dan kes-kes jenayah yang mendesak (*urgent*) masih lagi diperdengarkan seperti biasa dengan mengikut SOP BCP yang telah ditetapkan.
3. Kes-kes yang menggunakan *video-conferencing* sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini masih lagi digunapakai.
4. Perkhidmatan *Drop-Box* juga telah disediakan untuk kemudahan orang ramai membuat penghantaran permohonan-permohonan dan pengambilan dokumen-dokumen yang telah diproses. *Drop-Box* ini akan ditempatkan di lobi Bangunan Mahkamah Tinggi – Mahkamah Besar.
5. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai adalah disarankan untuk menghubungi Mahkamah seperti berikut:

MAHKAMAH RENDAH

Talian Telefon: 2243939 – 46 (Talian Mahkamah Tinggi)

Mahkamah Rendah Bandar Seri Begawan

Email:

Bahagian Pendaftar Mahkamah Rendah -
bsbsubordinatecourt.registrar@judicial.gov.bn

Registri Kes Jenayah - bsbsubordinatecourt.criminal@judicial.gov.bn

Registri Kes Sivil - bsbsubordinatecourt.civil@judicial.gov.bn

Sebarang kesulitan yang dihadapi adalah amat dikesali dan pihak Mahkamah Sivil memohon maaf atas perkara ini.
Sekian dan wassalam.

Tarikh: 06 Rabiulawal 1443/13 Oktober 2021
Reference: SC/CRC/A1